



**The Sarawak Museum Journal**  
**Vol. LXXXV No. 106**  
**December 2022**

THE SARAWAK MUSEUM  
**JOURNAL**



ISSN: 0375-3050  
 E-ISSN: 3036-0188

**Citation:** Suhana Sarkawi, Zafirah Othman dan Amanda Percy Anak Kinsi (2022). Anatomi Songket Melayu Sarawak Koleksi Jabatan Muzium Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, LXXXV (106) : 205-216

## Anatomi Songket Melayu Sarawak Koleksi Jabatan Muzium Sarawak

**\*Suhana Sarkawi<sup>1</sup>, Zafirah Othman<sup>1</sup> dan Amanda Percy Anak Kinsi<sup>1</sup>**

Jabatan Muzium Sarawak, Bangunan Annex, Jalan P. Ramlee, 93400 Kuching, Sarawak.

\*corresponding author

suhana.sarawak@gmail.com

### ABSTRACT

The structural parts on a piece of songket are important in identifying the type of songket and the designated parts for the decorative motifs. Not much has been written about the topic of Sarawak Songket in the collection of the Sarawak Museum Department. Documentation and research have been done about the collections but they need to be written and published for public reading. So, the objective of this study is to introduce the names of the decorative parts found in a piece of songket. The research methodology used is field research, literature research and interviews with weaving experts. Three pieces of songket samples from the Sarawak Museum Department collection were selected for analysis. These songkets are in the form of women's sarung which can also be used as men's sabok. The findings of this study are used to form a structural framework on the songket based on the perceived perspectives of the researcher and termed as Anatomy of Sarawak Malay Songket (ASMS). It is hoped that this can be used as a reference for Sarawak songket researchers in the future.

**Keywords:** Brocade, motif, Sarawak songket, sarung, sabok, Sarawak Museum Department, anatomy

# ANATOMI SONGKET MELAYU SARAWAK KOLEKSI JABATAN MUZIUM SARAWAK

\***Suhana Sarkawi<sup>1</sup>, Zafirah Othman<sup>1</sup> dan Amanda Percy Anak Kinsi<sup>1</sup>**

Jabatan Muzium Sarawak, Bangunan Annex, Jalan P. Ramlee, 93400 Kuching, Sarawak.

\*corresponding author

suhana.sarawak@gmail.com

## ABSTRAK

Struktur bahagian pada sehelai kain songket penting dalam mengenalpasti jenis kain songket dan susun letak motifnya. Tidak banyak penulisan yang dibuat tentang topik songket Sarawak yang terdapat dalam koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Dokumentasi dan penyelidikan telah dibuat tentang koleksi tersebut namun secara ia perlu ditulis dan diterbitkan untuk bacaan umum. Jadi, objektif kajian ini ialah untuk memperkenalkan bahagian-bahagian hiasan yang terdapat dalam sehelai kain songket. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian lapangan, kajian kepustakaan dan temu bual pakar tenun. Tiga helai sampel songket dari koleksi Jabatan Muzium Sarawak dipilih untuk dianalisis. Kain songket tersebut dalam bentuk kain sarung perempuan yang juga boleh digunakan sebagai kain sabok lelaki. Dapatkan kajian ini digunakan untuk membentuk sebuah kerangka struktur pada kain songket dibina berdasarkan dapatkan kajian dan dinamakan sebagai Anatomi Songket Melayu Sarawak (ASMS). Ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji songket pada masa hadapan.

**Kata Kunci:** Broked, motif, songket Sarawak, kain sarung, kain sabok, Jabatan Muzium Sarawak, anatom

## ABSTRACT

*The structural parts on a piece of songket are important in identifying the type of songket and the designated parts for the decorative motifs. Not much has been written about the topic of Sarawak*

*songket in the collection of the Sarawak Museum Department. Documentation and research have been done about the collections but they need to be written and published for public reading. So, the objective of this study is to introduce the names of the decorative parts found in a piece of songket. The research methodology used is field research, literature research and interviews with weaving experts. Three pieces of songket samples from the Sarawak Museum Department collection were selected for analysis. These songkets are in the form of women's sarung which can also be used as men's sabok. The findings of this study are used to form a structural framework on the songket based on the perceived perspectives of the researcher and termed as Anatomy of Sarawak Malay Songket (ASMS). It is hoped that this can be used as a reference for Sarawak songket researchers in the future.*

**Keywords:** Brocade, motif, Sarawak songket, sarung, sabok, Sarawak Museum Department, anatomy

## PENGENALAN

Songket merupakan sejenis kain yang boleh dikatakan sebagai salah satu kain dalam keluarga broked. Benang emas atau perak atau benang berwarna-warni digunakan untuk menimbulkan motif. Namun, lazimnya, benang-benang berwarna warni digunakan untuk menghasilkan corak pada tanah atau badan kain. Norwani Md Nawawi (1989) menyatakan bahawa motif songket dicipta berdasarkan alam semula jadi dan persekitaran penenun. Songket banyak ditemui, ditenun dan dipakai oleh penduduk Kepulauan Melayu terutamanya di Indonesia, Brunei dan Malaysia khasnya dalam kalangan bangsa Melayu dan suku kaum yang mengamalkan budaya dan tradisi Melayu. Songket dipakai kebanyakannya oleh orang Melayu pantai barat daya dan utara.

Di Sarawak, terdapat dua fungsi umum tetapi dominan untuk kain songket iaitu penggunaannya sebagai Kain Sarung dan Kain Sabok. Walau bagaimanapun, sesetengah masyarakat Melanau mengamalkan adat Melayu menenun dan memakai songket sebagai pakaian tradisional mereka. Orang Kedayan dan beberapa kelompok orang Bugis Sarawak juga memakai kain tenun berbenang emas atau perak sebagai sebahagian daripada pakaian tradisional mereka.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), perkataan 'kain sarung' bermaksud kain yg hujung pangkalnya dijahit bersambung manakala perkataan 'anatom'i pula merujuk kepada kajian atau pengetahuan mengenai binaan tubuh dan hidupan (manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan) atau kaji bina tubuh. Namun dalam konteks kajian ini, anatom'i merujuk kepada struktur yang terdapat dalam sesebuah kain songket.

Kain Sarung ialah nama khas panjang kain yang dipakai oleh perempuan. Panjangnya diukur dari pinggang hingga ke bawah buku lali atau menutupi jari kaki (225 sentimeter panjang dan 150 sentimeter tinggi). Memandangkan ia ditempati khas, panjang dan lebarnya akan sesuai dengan keutamaan penempahnya. Manakala, Kain Sabok ialah